

**NO SOALAN :454****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG  
(SIBUTI)****PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakan jumlah permohonan rumah mesra rakyat di kawasan Parlimen Sibuti dan berapakah jumlah projek Rumah Mesra Rakyat telah di bina sejak 2013 hingga sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, SPNB merupakan Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan dalam menyediakan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M). Program ini diwujudkan bagi

membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang (daif) tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah kediaman sendiri yang sempurna dan selesa.

Kerajaan melalui Kementerian Kewangan hanya menyalurkan subsidi sebanyak RM20,000 seunit untuk pembiayaan pembinaan RMR1M. Manakala, baki pembiayaan pembinaan sebanyak RM45,000 perlu diperolehi oleh SPNB melalui kaedah pinjaman dari mana-mana bank. Selain itu, Kerajaan juga telah bersetuju untuk memberi tambahan 2% subsidi kadar keuntungan yang dikenakan kepada setiap pemohon yang layak.

Ringkasan jumlah permohonan bagi seluruh negara adalah seperti di jadual berikut:

| Permohonan diluluskan (unit)<br>47,687 |                         |                                  | Permohonan ditolak (unit) | Permohonan dalam penilaian (unit) | Jumlah Permohonan (unit) |
|--|-------------------------|----------------------------------|---------------------------|-----------------------------------|--------------------------|
| RMR Siap (unit)                        | Proses pembinaan (unit) | Urusan dokumen perjanjian (unit) |                           |                                   |                          |
| 37,697                                 | 7,429                   | 2,561                            | 29,329                    | 11,100                            | 88,116                   |

Secara keseluruhannya, berdasarkan statistik permohonan dari tahun 2002 sehingga 30 Jun 2017, sebanyak **88,116** permohonan telah diterima dan dinilai di seluruh negara di mana sebanyak **47,687**

unit telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, **37,697** unit telah disiapkan, **7,429** unit sedang dalam proses pembinaan dan **2,561** sedang dalam peringkat dokumen perjanjian. Manakala sebanyak **29,329** permohonan telah ditolak dan sebanyak **11,100** permohonan kini masih di dalam senarai proses/dinilai layak.

Ringkasan jumlah permohonan bagi negeri Sarawak adalah seperti berikut:

| Permohonan diluluskan (unit)<br>1,758 |                         |                                  | Permohonan ditolak (unit) | Permohonan dalam penilaian (unit) | Jumlah Permohonan (unit) |
|---------------------------------------|-------------------------|----------------------------------|---------------------------|-----------------------------------|--------------------------|
| RMR Siap (unit)                       | Proses pembinaan (unit) | Urusan dokumen perjanjian (unit) |                           |                                   |                          |
| 972                                   | 81                      | 705                              | 1,418                     | 1,165                             | 4,341                    |

Bagi negeri Sarawak pula, sebanyak **4,341** permohonan telah diterima sejak program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia ini diperkenalkan pada tahun 2002. Daripada jumlah tersebut sebanyak **1,758** permohonan telah diluluskan iaitu **972** unit rumah telah siap dibina, **81** unit sedang dalam proses pembinaan dan **705** sedang dalam peringkat dokumen perjanjian. Manakala **1,418** unit lagi permohonan ditolak disebabkan tidak mematuhi syarat-syarat kelayakan. Terdapat **1,165** pemohon yang masih di dalam senarai proses/dinilai layak bagi negeri Sarawak.

Ringkasan jumlah permohonan bagi Parlimen Sibuti adalah seperti

berikut:

| Permohonan diluluskan (unit)<br>222 |                               |   | Permohonan<br>ditolak<br>(unit) | Permohonan<br>dalam<br>penilaian<br>(unit) | Jumlah<br>Permohonan<br>(unit) |
|-------------------------------------|-------------------------------|---|---------------------------------|--|--------------------------------|
| RMR<br>Siap<br>(unit)               | Proses<br>pembinaan<br>(unit) | Urusan<br>dokumen<br>perjanjian<br>(unit) |                                 |  |                                |
| 121                                 | -                             | 101                                       | -                               | -  | 485                            |

Manakala bagi Parlimen Sibuti, sebanyak **485** permohonan telah diterima sejak program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia ini diperkenalkan pada tahun 2002. Daripada jumlah tersebut **222** permohonan telah diluluskan iaitu **121** unit rumah telah siap dibina dan **101** sedang dalam peringkat dokumen perjanjian.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, dari tahun 2013 sebanyak **18,208** unit RMR1M telah dibina di seluruh negara. Bagi Parlimen Sibuti khususnya, sebanyak **38** unit rumah telah disiapkan sejak tahun 2013 hingga sekarang. Program RMR1M ini telah mendapat sambutan luar biasa daripada rakyat di seluruh negara.

Sambutan luar biasa yang diterima ini menyebabkan jumlah permohonan melebihi peruntukan tahunan yang telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Perkara ini secara tidak langsung telah menyebabkan terdapatnya permohonan yang memenuhi syarat-syarat kelayakan tetapi tidak dapat dilaksanakan pada tahun tersebut. Ketika ini terdapat **11,100** pemohon yang masih di dalam senarai menunggu di seluruh negara. Oleh yang demikian, lebihan permohonan tersebut akan dibawa ke tahun hadapan.